

# UMS peroleh geran RM60,000 dari FINAS

DE 01.08.2012 7

KOTA KINABALU: Sekolah Pengajian Seni (SPS), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama North Borneo Media Sdn Bhd. berjaya memperolehi geran berjumlah RM60 ribu daripada Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) untuk menghasilkan video dokumentari berlatarbelakangkan kehidupan suku kaum Bajau di Pulau Omadal, Semporna, Sabah.

Ia adalah hasil daripada sesi pembentangan (pitching) yang dibuka kepada semua pembikin dan produser filem di Sabah dan Sarawak bagi projek penerbitan dokumentari khas Eye On Borneo yang dianjurkan oleh FINAS.

Pensyarah Filem SPS yang juga merupakan Timbalan Dekan Hal ehwal Pelajar dan Akademik, Dr. Zairul Anuar Md. Dawam berkata, kejayaan SPS memperolehi kepercayaan daripada pihak FINAS untuk terlibat dalam projek Eye On Borneo tersebut diharap dapat menjadi titik mula kepada UMS untuk menceburi bidang penerbitan filem terutama filem dokumentari berdasarkan penyelidikan yang dijalankan oleh para pensyarah di IPT tersebut.

Katanya, pembikinan dokumentari yang diusahakan bersama dengan syarikat produksi tempatan North Borneo Media Sdn Bhd tersebut juga membuktikan hasil penyelidikan yang dilakukan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan amat penting dan boleh dipelbagaikan bentuk penerbitannya seperti video dokumentari yang boleh disiarkan kepada masyarakat umum melalui rangkaian televisyen tempatan dan antarabangsa.

Penyelidikan tersebut, katanya mempunyai nilai tinggi dalam penerbitan dokumentari terutama aspek penyediaan skrip yang memerlukan ketepatan fakta dan sumber boleh dipercayai.

"UMS sebenarnya kaya dengan pelbagai bahan penyelidikan. Selain kajian etnik dilakukan oleh pensyarah dan

penyelidik universiti ini juga mempunyai bidang penyelidikan utama seperti Marin, Akuakultur dan Biologi Tropika yang boleh dijadikan sebagai bahan kandungan kreatif bagi menghasilkan penerbitan dokumentari yang baik," katanya.

Menyentuh mengenai proses pembikinan, beliau yang juga pengarah dokumentari tersebut memberitahu idea asal diperolehi daripada hasil penyelidikan peringkat sarjana yang dilakukan oleh pensyarah SPS iaitu Mohd Azareen Aminullah yang mengkaji reka bentuk dan motif batu nesan yang terdapat di Pulau Omadal di Semporna, Sabah.

Katanya, berdasarkan bahan itu rekabentuk dan motif terdapat pada batu nesan atau dikenali dalam bahasa Bajau sebagai sunduk mempunyai keunikan tersendiri yang harus dikongsi dengan masyarakat lain.

"Ukirian dan pembuatan batu nesan atau sunduk itu sebenarnya menggambarkan kehidupan masyarakat Bajau yang sentiasa mementingkan perhubungan dan ikatan persaudaraan bermula dari kehidupan sehingga seseorang itu telah meninggal dunia. Melalui dokumentari ini, nilai-nilai kekeluargaan ditonjolkan kepada masyarakat lain terutama," katanya.

Menurutnya, melalui projek tersebut, pelajar-pelajar terlibat dapat menimba pengalaman kerja sebenar di lokasi penggambaran.

Beliau juga berkata, pihak Sekolah Pengajian Seni akan terus berusaha untuk mendapatkan dana penerbitan daripada pelbagai sumber sama ada melalui sesi pitching atau penghantaran kertas cadangan kepada pelbagai pihak bagi menghasilkan rancangan-rancangan televisyen atau pun filem cereka terutama yang berbentuk dokumentari penyelidikan.